



KERAJAAN MALAYSIA

**Piawaian Perakaunan Sektor Awam
Malaysia**
(Malaysian Public Sector Accounting Standards)

MPSAS 2
Penyata Aliran Tunai

MPSAS 2 – PENYATA ALIRAN TUNAI

Pengiktirafan

Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) 2 adalah berdasarkan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa (IPSAS) 2, *Penyata Aliran Tunai* daripada *Buku Panduan Penyataan Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa* Lembaga Piawaian Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa, yang diterbitkan oleh Persekutuan Akauntan Antarabangsa (IFAC) pada April 2011 dan digunakan dengan kebenaran IFAC. *Buku Panduan Penyataan Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa* © 2011 oleh Persekutuan Akauntan Antarabangsa (IFAC). Hak cipta terpelihara.

Disediakan oleh:

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

No. 1, Persiaran Perdana

Kompleks Kementerian Kewangan

Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62594 Putrajaya

Tel. : 03-88821000

Faks : 03-88821765

Web : <http://www.anm.gov.my>

KANDUNGAN

	<i>Perenggan</i>
Objektif	
Skop.....	1-4
Manfaat Maklumat Aliran Tunai.....	5-7
Takrif.....	8-17
Tunai dan Kesetaraan Tunai.....	9-11
Entiti Ekonomi.....	12-14
Manfaat Ekonomi Masa Hadapan atau Potensi Perkhidmatan.....	15
Perusahaan Perniagaan Kerajaan.....	16
Aset Bersih/Ekuiti.....	17
Pembentangan Penyata Aliran Tunai.....	18-26
Aktiviti Operasi.....	21-24
Aktiviti Pelaburan.....	25
Aktiviti Pembiayaan.....	26
Pelaporan Aliran Tunai daripada Aktiviti Operasi.....	27-30
Pelaporan Aliran Tunai daripada Aktiviti Pelaburan dan Pembiayaan.....	31
Pelaporan Aliran Tunai pada Asas Bersih.....	32-35
Aliran Tunai Mata Wang Asing.....	36-39
Faedah dan Dividen.....	40-43
Cukai ke atas Lebihan Bersih.....	44-46
Pelaburan dalam Entiti yang Dikawal, Entiti Bersekutu dan Usaha Sama.....	47-48
Pemerolehan dan Pelupusan Entiti yang Dikawal dan Unit Kendalian Lain.....	49-53
Urus Niaga Bukan Tunai.....	54-55
Komponen Tunai dan Kesetaraan Tunai.....	56-58
Pendedahan Lain.....	59-62
Tarikh Kuat kuasa.....	63-64
Contoh Ilustrasi	
Perbandingan dengan IPSAS 2	

MPSAS 2 – Penyata Aliran Tunai

Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) 2, *Penyata Aliran Tunai*, dinyatakan dalam objektif dan perenggan 1-64. Semua perenggan mempunyai kuasa yang setara. MPSAS 2 seharusnya dibaca dalam konteks objektifnya, dan *Prakata kepada Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia*. MPSAS 3, *Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan*, menyediakan asas untuk memilih dan menerapkan dasar perakaunan disebabkan tiadanya petunjuk yang jelas.

Objektif

Penyata aliran tunai mengenal pasti:

- (a) sumber aliran masuk tunai;
- (b) item tunai dibelanjakan sepanjang tempoh pelaporan; dan
- (c) baki tunai pada tarikh pelaporan.

Maklumat tentang aliran tunai entiti berguna kepada pengguna penyata kewangan dengan menyediakan maklumat bagi tujuan akauntabiliti dan membuat keputusan. Maklumat aliran tunai membolehkan pengguna menentukan bagaimana entiti sektor awam memperoleh tunai yang diperlukan untuk membiayai aktivitinya, dan cara tunai tersebut digunakan. Dalam membuat dan menilai keputusan tentang pengagihan sumber, seperti kemampuan aktiviti sesuatu entiti, pengguna perlu memahami tentang pemasaan dan kepastian aliran tunai. Objektif Piawaian ini adalah untuk menyediakan maklumat berhubung dengan perubahan sejarah berkenaan tunai dan kesetaraan tunai entiti melalui penyata aliran tunai yang mengelaskan aliran tunai mengikut aktiviti operasi, pelaburan dan pembiayaan dalam sesuatu tempoh.

Skop

1. **Entiti yang menyediakan dan membentangkan penyata kewangan di bawah asas perakaunan akrual perlu menyediakan penyata aliran tunai menurut kehendak Piawaian ini, dan perlu membentangkannya sebagai sebahagian daripada penyata kewangan bagi setiap tempoh penyata kewangan yang dibentangkan.**
2. Maklumat tentang aliran tunai mungkin berguna kepada pengguna penyata kewangan sesuatu entiti untuk:
 - (a) menilai aliran tunai entiti;
 - (b) menilai pematuhan entiti terhadap undang-undang dan peraturan (termasuk bajet yang dibenarkan jika bersesuaian); dan
 - (c) membuat keputusan sama ada untuk menyediakan sumber, atau membuat urus niaga dengan sesuatu entiti.

Pengguna penyata kewangan secara umumnya berminat untuk mengetahui bagaimana entiti menjana dan menggunakan tunai dan kesetaraan tunai. Ini adalah keadaan di mana pengguna tidak melihat jenis aktiviti entiti dan tunai tidak dilihat sebagai produk, sebagaimana keadaan di institusi kewangan awam. Entiti memerlukan tunai pada dasarnya atas alasan yang sama, walau bagaimanapun mungkin berbeza dari segi aktiviti penjanaan hasil utama entiti. Entiti memerlukan tunai untuk membayar barangan dan perkhidmatan yang digunakan oleh mereka, kos perkhidmatan hutang sedia ada, dan dalam sesetengah keadaan, untuk mengurangkan tahap hutang. Oleh yang demikian, Piawaian ini memerlukan semua entiti membentangkan penyata aliran tunai mereka.

3. **Piawaian ini terpakai kepada semua entiti sektor awam selain Perusahaan Perniagaan Kerajaan (*Government Business Enterprise, GBE*).**
4. Prakata kepada Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara menjelaskan bahawa GBE menggunakan piawaian perakaunan diluluskan

yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawai Perakaunan Malaysia (MASB). GBE ditakrifkan dalam MPSAS 1, *Pembentangan Penyata Kewangan*.

Manfaat Maklumat Aliran Tunai

5. Maklumat tentang aliran tunai entiti berguna untuk membantu pengguna meramalkan:

- (a) keperluan tunai masa hadapan entiti;
- (b) keupayaan entiti untuk menjana aliran tunai pada masa hadapan; dan
- (c) keupayaan entiti untuk membiayai perubahan dalam skop dan jenis aktiviti.

Penyata aliran tunai juga menyediakan cara entiti boleh melaksanakan akauntabilitinya terhadap aliran masuk tunai dan aliran keluar tunai semasa tempoh pelaporan.

6. Penyata aliran tunai, apabila digunakan bersama dengan penyata kewangan yang lain, dapat menyediakan maklumat yang membolehkan pengguna menilai perubahan dalam aset bersih/ekuiti entiti, struktur kewangannya (termasuk kecairan dan kemampuan bayar) dan keupayaannya untuk mempengaruhi amaun dan pemaasan aliran tunai agar dapat disesuaikan dengan perubahan keadaan dan peluang. Penyata aliran tunai juga meningkatkan kebolehdandingan laporan prestasi operasi oleh entiti yang berbeza, kerana ia menghapuskan kesan penggunaan pengolahan perakaunan yang berbeza untuk urus niaga yang sama dan peristiwa lain.

7. Maklumat aliran tunai yang lepas sering digunakan sebagai penunjuk bagi amaun, pemaasan dan kepastian aliran tunai masa hadapan. Maklumat ini juga berguna untuk meneliti ketepatan penilaian terdahulu bagi aliran tunai masa hadapan.

Takrif

8. Istilah berikut digunakan dalam Piawai ini dengan maksud yang dinyatakan:

Tunai terdiri daripada tunai di tangan dan deposit permintaan.

Kesetaraan tunai ialah pelaburan jangka pendek yang berkecairan tinggi yang sedia ditukar kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

Aliran tunai ialah aliran masuk dan aliran keluar tunai dan kesetaraan tunai.

Kawalan ialah kuasa untuk mentadbir dasar kewangan dan operasi entiti lain untuk mendapat manfaat daripada aktiviti.

Aktiviti pembiayaan ialah aktiviti yang mengakibatkan perubahan dalam saiz dan komposisi modal tercarum dan peminjaman entiti.

Aktiviti pelaburan ialah pemerolehan dan pelupusan aset jangka panjang dan pelaburan lain yang tidak termasuk dalam kesetaraan tunai.

Aktiviti operasi ialah aktiviti entiti selain daripada aktiviti pelaburan dan pembiayaan.

Tarikh pelaporan bermaksud tarikh pada hari terakhir tempoh pelaporan penyata kewangan tersebut.

Istilah yang ditakrifkan dalam MPSAS lain digunakan juga dalam Piawaian ini dengan maksud yang sama seperti dalam Piawaian berkenaan, dan diterbitkan semula dalam Glosari Istilah yang Ditakrif yang diterbitkan secara berasingan.

Tunai dan Kesetaraan Tunai

9. Kesetaraan tunai dipegang untuk tujuan memenuhi komitmen tunai jangka pendek dan bukannya untuk pelaburan atau tujuan lain. Untuk menetapkan sesuatu pelaburan sebagai kesetaraan tunai, pelaburan tersebut mestilah mudah ditukar kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara. Oleh itu, pelaburan biasanya ditetapkan sebagai kesetaraan tunai hanya apabila pelaburan tersebut mempunyai tempoh matang yang singkat, contohnya, tiga bulan atau kurang dari tarikh pemerolehan. Pelaburan ekuiti dikecualikan daripada kesetaraan tunai melainkan pelaburan itu adalah, pada dasarnya, kesetaraan tunai.
10. Pinjaman bank secara amnya dianggap sebagai aktiviti pembiayaan. Walau bagaimanapun, di sesetengah negara, overdraf bank yang perlu dibayar balik atas permintaan membentuk sebahagian penting dalam pengurusan tunai sesebuah entiti. Dalam keadaan ini, overdraf bank dimasukkan sebagai komponen tunai dan kesetaraan tunai. Ciri pengaturan perbankan tersebut ialah baki di bank sering berubah-ubah daripada positif kepada terlebih ambil.
11. Aliran tunai tidak termasuk pergerakan antara item yang membentuk tunai atau kesetaraan tunai kerana komponen ini sebahagian daripada pengurusan tunai entiti dan bukannya sebahagian daripada aktiviti operasi, pelaburan atau pun pembiayaan. Pengurusan tunai termasuklah pelaburan tunai berlebihan ke dalam kesetaraan tunai.

Entiti Ekonomi

12. Istilah entiti ekonomi digunakan dalam Piawaian ini untuk menentukan, bagi tujuan pelaporan kewangan, sekumpulan entiti yang terdiri daripada entiti yang mengawal dan apa-apa entiti yang dikawal.
13. Istilah lain yang kadang-kadang digunakan untuk merujuk entiti ekonomi termasuk entiti pentadbiran, entiti kewangan, entiti perakaunan, entiti disatukan dan kumpulan.
14. Entiti ekonomi boleh merangkumi entiti dengan yang mempunyai dua objektif iaitu objektif komersil dan dasar sosial. Sebagai contoh, jabatan perumahan kerajaan boleh menjadi entiti ekonomi yang meliputi entiti yang menyediakan perumahan dengan caj nominal, serta entiti yang menyediakan penginapan atas dasar komersil.

Manfaat Ekonomi Masa Hadapan atau Potensi Perkhidmatan

15. Aset menyediakan satu cara untuk entiti mencapai objektifnya. Aset yang digunakan untuk menyampaikan barangan dan perkhidmatan selaras dengan objektif entiti, tetapi tidak secara langsung menjana aliran masuk tunai bersih, selalunya digambarkan sebagai mempunyai potensi perkhidmatan. Aset yang digunakan untuk menjana aliran masuk tunai bersih sering kali digambarkan sebagai mempunyai manfaat ekonomi masa hadapan. Untuk merangkumi semua tujuan penggunaan aset, Piawaian ini menggunakan istilah "manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan" untuk menerangkan ciri penting aset.

Perusahaan Perniagaan Kerajaan

16. GBE meliputi perusahaan perdagangan, seperti utiliti, dan perusahaan kewangan, seperti institusi kewangan. GBE pada dasarnya tidak berbeza daripada entiti yang menjalankan aktiviti yang sama di sektor swasta. Pada umumnya GBE beroperasi untuk membuat keuntungan, walaupun sesetengah daripadanya mungkin mempunyai obligasi khidmat masyarakat yang terhad apabila mereka dikehendaki untuk menyediakan barangan dan perkhidmatan kepada beberapa individu dan organisasi dalam masyarakat sama ada secara percuma atau pun caj dikurangkan dengan ketara. MPSAS 6, Penyata Kewangan Disatukan dan Berasingan, menyediakan panduan untuk menentukan sama ada wujudnya kawalan atau tidak bagi tujuan pelaporan kewangan, dan seharusnya dirujuk untuk menentukan sama ada GBE dikawal oleh entiti sektor awam yang lain atau tidak.

Aset Bersih/Ekuiti

17. Aset bersih/ekuiti atau Kumpulan Wang Disatukan ialah istilah yang digunakan dalam Piawaian ini untuk merujuk ukuran baki dalam penyata kedudukan kewangan (aset tolak liabiliti). Aset bersih/ekuiti mungkin positif atau pun negatif. Istilah lain boleh digunakan untuk menggantikan istilah aset bersih/ekuiti, dengan syarat maksudnya adalah jelas.

Pembentangan Penyata Aliran Tunai

18. **Penyata aliran tunai perlu melaporkan aliran tunai sepanjang tempoh yang dikelaskan kepada aktiviti operasi, pelaburan dan pembiayaan.**
19. Entiti membentangkan aliran tunainya daripada aktiviti operasi, pelaburan dan pembiayaan dalam cara yang paling sesuai dengan aktivitinya. Pengelasan mengikut aktiviti memberikan maklumat yang membolehkan pengguna menilai kesan daripada aktiviti tersebut terhadap kedudukan kewangan entiti, dan jumlah tunai dan kesetaraan tunainya. Maklumat ini juga boleh digunakan untuk menilai perkaitan antara aktiviti tersebut.
20. Urus niaga tunggal mungkin termasuk aliran tunai yang boleh dikelaskan secara berbeza. Sebagai contoh, pembayaran balik tunai pinjaman yang termasuk faedah dan modal, unsur faedah boleh dikelaskan sebagai aktiviti operasi manakala unsur modal dikelaskan sebagai aktiviti pembiayaan.

Aktiviti Operasi

21. Amaun aliran tunai bersih hasil daripada aktiviti operasi adalah petunjuk utama setakat mana operasi entiti tersebut dibiayai:
- (a) Melalui cukai (secara langsung dan tidak langsung); atau
 - (b) Daripada penerima barangan dan perkhidmatan yang disediakan oleh entiti.

Amaun aliran tunai bersih juga membantu dalam menunjukkan keupayaan entiti untuk mengekalkan keupayaan operasinya, membayar semula obligasi, membayar dividen atau pengagihan yang serupa kepada pemiliknya, dan membuat pelaburan baharu, tanpa memohon bantuan daripada sumber pembiayaan luar. Aliran tunai operasi keseluruhan kerajaan yang disatukan menyediakan petunjuk setakat mana kerajaan membiayai aktiviti semasanya melalui percukaian dan caj. Maklumat tentang komponen tertentu aliran tunai operasi yang

lalu adalah berguna, bersama dengan maklumat lain, untuk meramal aliran tunai operasi masa hadapan.

22. Aliran tunai daripada aktiviti operasi sebahagian besarnya terhasil daripada aktiviti utama penjaan tunai entiti. Contoh aliran tunai daripada aktiviti operasi ialah:
- (a) Terimaan tunai daripada cukai, levi dan denda;
 - (b) Terimaan tunai daripada caj untuk barangan dan perkhidmatan yang disediakan oleh entiti;
 - (c) Terimaan tunai daripada geran atau pindahan dan peruntukan lain atau pihak berkuasa bajet lain yang dibuat oleh kerajaan pusat atau entiti sektor awam yang lain;
 - (d) Terimaan tunai daripada royalti, fi, komisen dan hasil lain;
 - (e) Bayaran tunai kepada entiti sektor awam lain untuk membiayai operasi mereka (tidak termasuk pinjaman);
 - (f) Bayaran tunai kepada pembekal untuk barangan dan perkhidmatan;
 - (g) Bayaran tunai kepada dan bagi pihak pekerja;
 - (h) Terimaan dan bayaran tunai entiti insurans untuk premium dan tuntutan, anuiti dan manfaat polisi yang lain;
 - (i) Bayaran tunai cukai hartanah tempatan atau cukai pendapatan (jika sesuai) berkaitan dengan aktiviti operasi;
 - (j) Terimaan dan bayaran tunai daripada kontrak yang dipegang untuk tujuan urus niaga atau perdagangan;
 - (k) Terimaan atau bayaran tunai daripada pemberhentian operasi;
 - (l) Terimaan atau bayaran tunai berkaitan dengan penyelesaian litigasi; dan
 - (m) Terimaan atau bayaran tunai bagi akaun amanah.

Sesetengah urus niaga, seperti penjualan sesuatu item loji, boleh meningkatkan keuntungan atau kerugian yang termasuk dalam lebihan atau kurangan. Aliran tunai yang berkaitan dengan urus niaga tersebut adalah aliran tunai daripada aktiviti pelaburan. Walau bagaimanapun, pembayaran tunai untuk membina atau memperoleh aset yang dipegang untuk disewa kepada orang lain dan kemudiannya dipegang untuk penjualan seperti yang diterangkan dalam perenggan 83A MPSAS 17, Hartanah, Loji dan Peralatan adalah aliran tunai daripada aktiviti operasi. Penerimaan tunai daripada sewa dan seterusnya daripada penjualan aset tersebut juga adalah aliran tunai daripada aktiviti operasi.

23. Sesuatu entiti boleh memegang sekuriti dan memberikan pinjaman untuk tujuan urus niaga atau perdagangan, di mana keadaan ini sama seperti inventori yang diperoleh secara khusus untuk dijual semula. Oleh itu, aliran tunai yang terhasil daripada urusan jual beli atau dagangan sekuriti dikelaskan sebagai aktiviti operasi. Begitu juga, pendahuluan tunai dan pinjaman yang dibuat oleh institusi kewangan awam biasanya dikelaskan sebagai aktiviti operasi, kerana aktiviti ini berkaitan dengan aktiviti menjana tunai utama bagi entiti tersebut.
24. Dalam sesetengah bidang kuasa, kerajaan atau entiti sektor awam yang lain akan memperuntukkan atau meluluskan dana kepada entiti untuk membiayai operasi sesuatu entiti,

dan tidak ada perbezaan yang ketara dibuat untuk mengasingkan dana tersebut antara aktiviti semasa, modal kerja dan modal tercarum. Jika entiti tidak dapat mengenal pasti secara berasingan peruntukan atau bajet yang diluluskan ke dalam aktiviti semasa, modal kerja dan modal tercarum, maka peruntukan atau bajet yang diluluskan perlu dikelaskan sebagai aliran tunai daripada operasi, dan fakta ini perlu dinyatakan dalam nota kepada penyata kewangan.

Aktiviti Pelaburan

25. Pendedahan berasingan aliran tunai yang terhasil daripada aktiviti pelaburan adalah penting kerana aliran tunai menunjukkan setakat mana aliran keluar tunai telah dibuat bagi sumber yang menyumbang kepada penyampaian perkhidmatan masa hadapan entiti. Aliran keluar tunai yang terhasil daripada pengiktirafan aset dalam penyata kedudukan kewangan sahaja boleh diklasifikasikan sebagai aktiviti pelaburan. Contoh aliran tunai yang terhasil daripada aktiviti pelaburan adalah seperti berikut:

- (a) Bayaran tunai untuk memperoleh hartanah, loji dan peralatan, serta aset tak ketara dan aset jangka panjang yang lain. Pembayaran ini termasuk pembayaran yang berkaitan dengan kos pembangunan yang dipermodalkan dan hartanah, loji dan peralatan yang dibina sendiri;
- (b) Terimaan tunai daripada penjualan hartanah, loji dan peralatan, serta aset tak ketara dan aset jangka panjang yang lain;
- (c) Bayaran tunai untuk memperoleh ekuiti atau instrumen hutang entiti lain dan kepentingan dalam usaha sama (selain pembayaran untuk instrumen yang dianggap sebagai kesetaraan tunai atau yang dipegang untuk tujuan urus niaga atau perdagangan);
- (d) Terimaan tunai daripada penjualan ekuiti atau instrumen hutang entiti lain dan kepentingan dalam usaha sama (selain penerimaan bagi instrumen yang dianggap sebagai kesetaraan tunai dan yang dipegang untuk tujuan jual beli atau dagangan);
- (e) Pendahuluan tunai dan pinjaman kepada pihak lain (selain pendahuluan dan pinjaman yang dibuat oleh institusi kewangan awam);
- (f) Terimaan tunai daripada pembayaran balik pendahuluan dan pinjaman yang dibuat kepada pihak lain (selain pendahuluan dan pinjaman oleh institusi kewangan awam);
- (g) Bayaran tunai bagi kontrak niaga hadapan, kontrak hadapan, kontrak opsyen dan kontrak swap, kecuali apabila kontrak dipegang untuk tujuan jual beli atau dagangan, atau bayaran yang dikelaskan sebagai aktiviti pembiayaan; dan
- (h) Terimaan tunai daripada kontrak niaga hadapan, kontrak hadapan, kontrak opsyen dan kontrak swap, kecuali apabila kontrak dipegang untuk tujuan jual beli atau dagangan, atau terimaan yang dikelaskan sebagai aktiviti pembiayaan.

Apabila sesuatu kontrak dirujuk sebagai lindung nilai bagi kedudukan yang dikenal pasti, maka aliran tunai bagi kontrak tersebut dikelaskan sama seperti aliran tunai bagi kedudukan yang dilindungi nilai itu.

Aktiviti Pembiayaan

26. Pendedahan berasingan bagi aliran tunai yang terhasil daripada aktiviti pembiayaan adalah penting, kerana ia berguna untuk meramal tuntutan aliran tunai masa hadapan oleh penyedia modal entiti. Contoh aliran tunai yang terhasil daripada aktiviti pembiayaan adalah seperti:
- (a) Penerimaan tunai daripada terbitan debentur, pinjaman, nota, bon, gadai janji dan pinjaman jangka pendek atau jangka panjang yang lain;
 - (b) Bayaran balik tunai ke atas amaun yang dipinjam; dan
 - (c) Bayaran tunai oleh penerima pajak untuk mengurangkan liabiliti belum dijelaskan berkaitan dengan pajakan kewangan.

Pelaporan Aliran Tunai daripada Aktiviti Operasi

27. **Entiti hendaklah melaporkan aliran tunai daripada aktiviti operasi dengan menggunakan sama ada:**
- (a) **Kaedah langsung, dengan menyatakan kelas utama terimaan dan bayaran tunai kasar;**
 - (b) **Kaedah tidak langsung, dengan menyatakan lebihan atau kurangan yang dilaraskan kesan daripada urus niaga yang bersifat bukan tunai, sebarang terimaan dan bayaran tunai tertunda atau terakru daripada operasi masa lalu atau masa hadapan, dan item hasil atau belanja yang berkaitan dengan aliran tunai pelaburan atau pembiayaan.**
28. Entiti adalah digalakkan untuk melaporkan aliran tunai daripada aktiviti operasi dengan menggunakan kaedah langsung. Kaedah langsung menyediakan maklumat yang:
- (a) mungkin berguna untuk menganggarkan aliran tunai masa hadapan; dan
 - (b) tiada di bawah kaedah tidak langsung.
- Di bawah kaedah langsung, maklumat tentang kelas utama terimaan dan bayaran tunai kasar dan boleh diperolehi sama ada:
- (a) Daripada rekod perakaunan entiti; atau
 - (b) Dengan melaraskan hasil operasi, perbelanjaan operasi (faedah dan hasil yang serupa, dan perbelanjaan faedah dan caj yang serupa untuk institusi kewangan awam), dan item lain dalam penyata prestasi kewangan bagi:
 - (i) Perubahan dalam inventori serta akaun belum terima dan belum bayar daripada aktiviti operasi sepanjang tempoh berkenaan;
 - (ii) Item bukan tunai yang lain; dan
 - (iii) Item lain yang terhasil kesan daripada aliran tunai aktiviti pelaburan atau pembiayaan.
29. Entiti yang melaporkan aliran tunai daripada aktiviti operasi menggunakan kaedah langsung juga digalakkan untuk membuat penyesuaian antara lebihan/kurangan daripada aktiviti biasa dengan aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi. Penyesuaian ini boleh disediakan sebagai sebahagian daripada penyata aliran tunai atau nota kepada penyata kewangan.

30. Aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi bagi kaedah tidak langsung ditentukan dengan melaraskan lebihan atau kekurangan daripada aktiviti biasa kesan daripada:
- (a) Perubahan dalam inventori serta akaun belum terima dan belum bayar dari aktiviti operasi sepanjang tempoh berkenaan;
 - (b) Item bukan tunai seperti susut nilai, peruntukan, cukai tertunda, keuntungan dan kerugian mata wang asing yang belum direalisasikan, lebihan syarikat bersekutu yang tak diagih, dan kepentingan minoriti; dan
 - (c) Item lain yang terhasil kesan daripada aliran tunai aktiviti pelaburan atau pembiayaan.

Pelaporan Aliran Tunai daripada Aktiviti Pelaburan dan Pembiayaan

31. **Entiti perlu melaporkan secara berasingan kelas utama terimaan dan bayaran tunai kasar yang terhasil daripada aktiviti pelaburan dan pembiayaan, kecuali setakat aliran tunai seperti yang diterangkan dalam perenggan 32 dan 35 yang dilaporkan pada asas bersih.**

Pelaporan Aliran Tunai pada Asas Bersih

32. **Aliran tunai yang terhasil daripada aktiviti operasi, pelaburan atau pembiayaan berikut boleh dilaporkan pada asas bersih:**
- (a) **Terimaan dan bayaran tunai yang dibuat bagi pihak lain seperti pelanggan, pembayar cukai atau benefisiari yang menggambarkan aliran tunai aktiviti pihak tersebut dan bukannya daripada aktiviti entiti itu sendiri;**
 - (b) **Terimaan dan bayaran tunai bagi item yang mempunyai pusing ganti yang cepat, amaun besar dan tempoh matangnya pendek.**
33. Perenggan 32 (a) hanya merujuk kepada baki tunai yang terhasil daripada urus niaga yang dikawal oleh entiti melapor. Contoh terimaan dan bayaran tunai itu termasuklah:
- (a) Kutipan cukai oleh satu peringkat kerajaan untuk peringkat kerajaan yang lain, tidak termasuk cukai yang dikutip oleh sesebuah kerajaan untuk kegunaannya sendiri sebagai sebahagian daripada aturan perkongsian cukai;
 - (b) Terimaan dan bayaran balik deposit permintaan bagi institusi kewangan awam;
 - (c) Dana yang dipegang untuk pelanggan oleh entiti pelaburan atau amanah; dan
 - (d) Sewa yang dikutip bagi pihak, dan dibayar kepada, pemilik hartanah.
34. Contoh terimaan dan bayaran tunai yang dirujuk dalam perenggan 32 (b) adalah pendahuluan yang dibuat untuk, dan bayaran balik kepada:
- (a) Pembelian dan penjualan pelaburan; dan
 - (b) Pinjaman jangka pendek yang lain, sebagai contoh, pinjaman yang mempunyai tempoh matang tiga bulan atau kurang.
35. **Aliran tunai oleh institusi kewangan awam boleh dilaporkan pada asas bersih yang terhasil daripada setiap aktiviti berikut:**

- (a) **Terimaan dan bayaran tunai bagi penerimaan dan bayaran balik deposit pada tarikh matang yang ditentukan;**
- (b) **Perletakan deposit dengan, dan pengeluaran deposit daripada, institusi kewangan lain; dan**
- (c) **Pendahuluan tunai dan pinjaman yang dibuat kepada pelanggan dan bayaran balik pendahuluan dan pinjaman tersebut.**

Aliran Tunai Mata Wang Asing

- 36. **Aliran tunai yang terhasil daripada urus niaga dalam mata wang asing hendaklah direkodkan dalam mata wang fungsi entiti dengan menukarkan amaun mata wang asing tersebut mengikut kadar pertukaran antara mata wang fungsi dengan mata wang asing pada tarikh aliran tunai.**
- 37. **Aliran tunai entiti asing yang dikawal hendaklah ditukar mengikut kadar pertukaran antara mata wang fungsi dengan mata wang asing pada tarikh aliran tunai.**
- 38. Aliran tunai dalam mata wang asing dilaporkan selaras dengan MPSAS 4, *Kesan Perubahan dalam Kadar Pertukaran Asing*. Kaedah ini membenarkan penggunaan kadar pertukaran yang hampir menyamai kadar sebenar. Sebagai contoh, kadar pertukaran purata wajaran bagi suatu tempoh boleh digunakan untuk merekod urus niaga mata wang asing atau pertukaran aliran tunai entiti asing yang dikawal. MPSAS 4 tidak membenarkan penggunaan kadar pertukaran pada tarikh pelaporan apabila menukarkan aliran tunai entiti asing yang dikawal.
- 39. Untung dan rugi belum terealisasi yang terhasil daripada perubahan dalam kadar pertukaran mata wang asing adalah bukan aliran tunai. Walau bagaimanapun, kesan daripada perubahan kadar pertukaran ke atas tunai dan kesetaraan tunai yang dipegang terhutang dalam mata wang asing dilaporkan dalam penyata aliran tunai untuk disesuaikan dengan tunai dan kesetaraan tunai pada awal dan akhir tempoh. Amaun ini dibentangkan secara berasingan daripada aliran tunai aktiviti operasi, pelaburan dan pembiayaan, dan termasuk perbezaan, jika ada, sekiranya aliran tunai tersebut telah dilaporkan pada akhir tempoh kadar pertukaran.

Faedah dan Dividen atau Pengagihan Serupa

- 40. Aliran tunai daripada faedah dan dividen atau pengagihan serupa yang diterima dan dibayar hendaklah setiap satunya didedahkan secara berasingan. Setiap satu hendaklah dikelaskan secara konsisten dari satu tempoh ke satu tempoh masa sama ada sebagai aktiviti operasi, pelaburan atau pun pembiayaan.
- 41. Keseluruhan amaun faedah yang dibayar sepanjang tempoh didedahkan dalam penyata aliran tunai, sama ada ia telah diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan atau dipermodalkan selaras dengan pengolahan alternatif yang dibenarkan dalam MPSAS 5, *Kos Pinjaman*.
- 42. Faedah yang dibayar serta faedah dan dividen atau pengagihan serupa yang diterima biasanya dikelaskan sebagai aliran tunai operasi bagi institusi kewangan awam. Walau bagaimanapun, tidak ada kata sepakat tentang pengelasan aliran tunai sebegini bagi entiti lain. Faedah yang dibayar serta faedah dan dividen atau pengagihan serupa yang diterima boleh dikelaskan sebagai aliran tunai operasi kerana ia diambil kira dalam penentuan lebihan atau kekurangan. Selain itu, faedah yang dibayar serta faedah dan dividen atau pengagihan serupa yang

diterima masing-masing boleh dikelaskan sebagai aliran tunai pembiayaan dan aliran tunai pelaburan kerana ia merupakan kos bagi mendapatkan sumber kewangan atau pulangan pelaburan.

43. Dividen atau pengagihan serupa yang dibayar boleh dikelaskan sebagai aliran tunai pembiayaan kerana ia merupakan kos bagi mendapatkan sumber kewangan. Selain itu, dividen atau pengagihan serupa yang dibayar boleh dikelaskan sebagai satu komponen aliran tunai daripada aktiviti operasi dalam usaha untuk membantu pengguna menentukan keupayaan sesuatu entiti membuat pembayaran ini daripada aliran tunai operasi.

Cukai ke atas Lebihan Bersih

44. **Aliran tunai yang terhasil daripada cukai ke atas lebihan bersih hendaklah dinyatakan secara berasingan dan perlu dikelaskan sebagai aliran tunai daripada aktiviti operasi, melainkan ia boleh dikenal pasti secara khusus sebagai aktiviti pembiayaan dan pelaburan.**
45. Entiti sektor awam secara amnya dikecualikan daripada cukai ke atas lebihan bersih. Walau bagaimanapun, sesetengah entiti sektor awam boleh beroperasi di bawah rejim kesetaraan cukai, apabila cukai dikenakan dalam cara yang sama seperti yang dikenakan kepada entiti sektor swasta.
46. Cukai ke atas lebihan bersih daripada urus niaga yang menghasilkan aliran tunai dikelaskan sebagai aktiviti operasi, pelaburan, atau pembiayaan dalam penyata aliran tunai. Walaupun perbelanjaan cukai mungkin mudah dikenal pasti sebagai aktiviti pelaburan atau pembiayaan, namun aliran tunai cukai yang berkaitan sering kali tidak dapat dikenal pasti, dan mungkin terhasil dalam tempoh yang berbeza daripada tempoh aliran tunai bagi urus niaga dasar. Oleh itu, cukai yang dibayar biasanya dikelaskan sebagai aliran tunai daripada aktiviti operasi. Walau bagaimanapun, apabila aliran tunai cukai dapat dikenal pasti melalui urus niaga tertentu yang menghasilkan aliran tunai yang boleh dikelaskan sebagai aktiviti pelaburan atau pembiayaan, maka aliran tunai cukai itu dikelaskan sebagai aktiviti pelaburan atau pembiayaan, jika sesuai. Apabila aliran tunai cukai diperuntukkan kepada lebih daripada satu kelas aktiviti, maka keseluruhan amaun cukai yang dibayar perlu dinyatakan.

Pelaburan dalam Entiti yang Dikawal, Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama

47. Apabila perakaunan pelaburan dalam syarikat bersekutu atau entiti yang dikawal dilaporkan dengan menggunakan kaedah ekuiti atau kos, maka pelabur mengehadkan pelaporannya dalam penyata aliran tunai kepada aliran tunai antara dirinya dengan penerima pelaburan, contohnya, dividen atau pengagihan serupa dan pendahuluan.
48. Entiti yang melaporkan kepentingannya dalam entiti yang dikawal bersama dengan menggunakan penyatuan berkadar perlu memasukkan dalam penyata aliran tunai disatukannya, bahagian berkadar aliran tunai entiti yang dikawal bersama itu. Entiti yang melaporkan kepentingan sedemikian dengan menggunakan kaedah ekuiti perlu memasukkan dalam penyata aliran tunainya (a) aliran tunai berhubung dengan pelaburannya dalam entiti yang dikawal bersama itu, dan (b) pengagihan dan bayaran atau terimaan lain antara entiti dengan entiti yang dikawal bersama itu.

Pemerolehan dan Pelupusan Entiti yang Dikawal dan Unit Operasi Lain

49. **Agregat aliran tunai yang terhasil daripada pemerolehan dan pelupusan entiti yang dikawal atau unit operasi lain perlu dibentangkan secara berasingan dan dikelaskan sebagai aktiviti pelaburan.**
50. **Entiti perlu menyatakan, secara keseluruhannya, berhubung dengan pemerolehan dan pelupusan entiti yang dikawal atau unit operasi lain semasa tempoh itu, setiap yang berikut:**
 - (a) **Keseluruhan pertimbangan pembelian atau pelupusan;**
 - (b) **Bahagian pertimbangan pembelian atau pelupusan yang dilepaskan melalui tunai dan kesetaraan tunai;**
 - (c) **Amaun tunai dan kesetaraan tunai dalam entiti yang dikawal atau unit operasi yang diperoleh atau dilupuskan; dan**
 - (d) **Amaun aset dan liabiliti, selain tunai atau kesetaraan tunai, diiktiraf oleh entiti yang dikawal atau unit operasi yang diperoleh atau dilupuskan, diringkaskan mengikut setiap kategori utama.**
51. **Pembentangan aliran tunai yang berasingan daripada pemerolehan dan pelupusan entiti yang dikawal dan unit operasi lain sebagai satu baris item, bersama dengan pendedahan berasingan bagi amaun aset dan liabiliti yang diperoleh atau dilupuskan, membantu untuk membezakan aliran tunai tersebut daripada aliran tunai yang terhasil daripada aktiviti operasi, pelaburan dan pembiayaan lain. Aliran tunai daripada pelupusan tidak ditolak daripada pemerolehan tersebut.**
52. **Amaun agregat tunai yang dibayar atau diterima sebagai pertimbangan pembelian atau penjualan dilaporkan dalam penyata aliran tunai bersih daripada tunai dan kesetaraan tunai yang diperoleh atau dilupuskan.**
53. **Aset dan liabiliti selain tunai atau kesetaraan tunai bagi entiti yang dikawal atau unit kendalian yang diperoleh atau dilupuskan hanya perlu dinyatakan jika entiti atau unit yang dikawal telah mengiktiraf aset atau liabiliti tersebut sebelumnya. Sebagai contoh, jika entiti sektor awam yang menyediakan laporan berasaskan tunai diambil alih oleh entiti sektor awam lain, maka entiti yang mengambil alih tidak perlu menyatakan aset dan liabiliti (selain tunai dan kesetaraan tunai) entiti yang diambil alih itu, memandangkan entiti yang diambil alih itu tidak mengiktiraf aset atau liabiliti bukan tunai.**

Urus Niaga Bukan Tunai

54. **Urus niaga pelaburan dan pembiayaan yang tidak memerlukan penggunaan tunai atau kesetaraan tunai seharusnya tidak dimasukkan dalam penyata aliran tunai. Urus niaga tersebut perlu dinyatakan di bahagian lain dalam penyata kewangan dalam cara yang dapat memberikan semua maklumat yang berkaitan tentang aktiviti pelaburan dan pembiayaan ini.**
55. **Kebanyakan aktiviti pelaburan dan pembiayaan tidak mempunyai kesan langsung terhadap aliran tunai semasa, walaupun aktiviti ini memberi kesan ke atas struktur modal dan aset sesuatu entiti. Tindakan tidak memasukkan urus niaga bukan tunai ke dalam penyata aliran**

tunai adalah selaras dengan objektif penyata aliran tunai kerana item ini tidak melibatkan aliran tunai dalam tempoh semasa. Contoh urus niaga bukan tunai ialah:

- (a) Pemerolehan aset melalui pertukaran aset, pengambilan liabiliti berkaitan secara langsung, atau melalui pajakan kewangan; dan
- (b) Penukaran hutang kepada ekuiti.

Komponen Tunai dan Kesetaraan Tunai

- 56. **Entiti perlu mendedahkan komponen tunai dan kesetaraan tunai, dan perlu membentangkan penyesuaian amaun dalam penyata aliran tunai dengan item yang setara yang dilaporkan dalam penyata kedudukan kewangan.**
- 57. Memandangkan terdapat pelbagai amalan pengurusan tunai dan urusan perbankan di seluruh dunia, dan untuk mematuhi MPSAS 1, entiti hendaklah **mendedahkan** dasar yang diterima pakai bagi menentukan komposisi tunai dan kesetaraan tunai.
- 58. Kesan daripada apa-apa perubahan dasar untuk menentukan komponen tunai dan kesetaraan tunai, sebagai contoh, perubahan pengelasan instrumen kewangan yang sebelum ini dianggap menjadi sebahagian daripada pelaburan portfolio entiti dilaporkan menurut MPSAS 3, *Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan*.

Pendedahan Lain

- 59. **Sesebuah entiti perlu mendedahkan amaun baki bagi tunai dan kesetaraan tunai yang signifikan dipegang oleh entiti yang tidak dapat digunakan oleh entiti ekonomi bersama dengan ulasan oleh pengurusan dalam nota kepada penyata kewangan.**
- 60. Terdapat pelbagai keadaan apabila baki tunai dan kesetaraan tunai yang dipegang oleh entiti tidak dapat digunakan oleh entiti ekonomi. Contohnya, baki tunai dan kesetaraan tunai yang dipegang oleh entiti yang dikawal yang beroperasi di negara di mana kawalan pertukaran asing atau sekatan undang-undang yang lain terpakai, menyebabkan baki tersebut tidak dapat digunakan untuk kegunaan umum oleh entiti yang mengawal atau entiti lain yang dikawal.
- 61. Maklumat tambahan mungkin relevan kepada pengguna untuk memahami kedudukan kewangan dan kecairan entiti. Pendedahan maklumat ini, bersama dengan penerangan dalam nota kepada penyata kewangan, digalakkan, dan boleh termasuk:
 - (a) Amaun kemudahan pinjaman yang belum diterima boleh digunakan untuk aktiviti operasi masa hadapan dan untuk melangsaikan komitmen modal, dan menunjukkan apa-apa sekatan terhadap penggunaan kemudahan ini;
 - (b) Amaun agregat aliran tunai daripada setiap aktiviti operasi, pelaburan dan pembiayaan yang berkaitan dengan kepentingan dalam usaha sama yang dilaporkan menggunakan penyatuan berkadar; dan
 - (c) Amaun dan jenis baki tunai terhad.
- 62. Jika peruntukan atau kelulusan bajet disediakan pada asas tunai, maka penyata aliran tunai boleh membantu pengguna memahami perhubungan antara aktiviti atau program entiti dengan maklumat bajet kerajaan. Rujuk MPSAS 1 untuk perbincangan ringkas tentang perbandingan antara angka sebenar dan bajet.

Tarikh Kuat kuasa

63. **Entiti hendaklah mengguna pakai Piawaian ini ke atas penyata kewangan tahunan yang meliputi tempoh bermula pada atau selepas 1 Januari 2017. Penggunaan lebih awal digalakkan. Sekiranya entiti mengguna pakai Piawaian ini untuk tempoh bermula sebelum 1 Januari 2017, entiti hendaklah mendedahkan fakta tersebut.**
- 63A. *(Dimasuhkan)*
- 63B. *(Dimansuhkan)*
64. Apabila entiti menerima pakai asas perakaunan akruan seperti yang ditakrifkan oleh MPSAS bagi tujuan pelaporan kewangan selepas tarikh kuat kuasa ini, maka Piawaian ini terpakai kepada penyata kewangan tahunan entiti meliputi tempoh bermula pada atau selepas tarikh diterima pakai.

MPSAS 2 – Penyata Aliran Tunai

Contoh Ilustrasi

Contoh ini adalah disertakan bersama, dan bukan sebahagian daripada, MPSAS 2.

Penyata Aliran Tunai (Bagi Entiti Selain Institusi Kewangan)

Penyata Aliran Tunai menggunakan Kaedah Langsung (perenggan 27 (a))

Entiti Sektor Awam - Penyata Aliran Tunai Disatukan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 20X2

	20X2	20X1
	RM'000	RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI		
Terimaan		
Cukai	X	X
Jualan barangan dan perkhidmatan	X	X
Geran	X	X
Faedah diterima	X	X
Amanah diterima	X	X
Terimaan lain	X	X
Bayaran		
Kos pekerja	(X)	(X)
Persaraan	(X)	(X)
Pembekal	(X)	(X)
Faedah dibayar	(X)	(X)
Amanah dibayar	(X)	(X)
Bayaran lain	(X)	(X)
Aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi	X	X
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN		
Belian hartanah, loji dan peralatan	(X)	(X)
Hasil daripada jualan hartanah, loji dan peralatan	X	X
Hasil daripada jualan pelaburan	X	X
Belian sekuriti mata wang asing	(X)	(X)
Aliran tunai bersih daripada aktiviti pelaburan	X	X
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN		
Hasil daripada pinjaman	X	X
Bayaran balik pinjaman	(X)	(X)
Pengagihan/dividen kepada kerajaan	(X)	(X)
Aliran tunai bersih daripada aktiviti pembiayaan	X	X
Peningkatan/(pengurangan) bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai	X	X
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tempoh	X	X
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tempoh	X	X

Nota kepada Penyata Aliran Tunai

(a) *Tunai dan Kesetaraan Tunai*

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan, baki di bank dan pelaburan dalam instrumen pasaran wang. Tunai dan kesetaraan tunai dimasukkan dalam penyata aliran tunai yang mengandungi penyata jumlah kedudukan kewangan berikut:

	20X2	20X1
	RM'000	RM'000
Tunai di tangan dan baki di bank	X	X
Pelaburan jangka pendek	X	X
	<u>X</u>	<u>X</u>

Entiti mempunyai kemudahan pinjaman belum diterima sebanyak X, di mana X hendaklah digunakan untuk projek infrastruktur.

(b) *Hartanah, Loji dan Peralatan*

Dalam tempoh tersebut, entiti ekonomi memperoleh hartanah, loji dan peralatan dengan kos agregat X, apabila X diperoleh melalui geran modal daripada kerajaan pusat. Bayaran tunai X telah dibuat untuk membeli hartanah, loji dan peralatan.

(c) *Penyesuaian Aliran Tunai Bersih daripada Aktiviti Operasi terhadap Lebihan/(kurangan)*

	20X2	20X1
	RM'000	RM'000
Lebihan/(kurangan)	X	X
Pergerakan bukan tunai	X	X
Susut nilai	X	X
Pelunasan	X	X
Peningkatan dalam peruntukan hutang ragu	X	X
Peningkatan dalam pemiutang	X	X
Peningkatan dalam pinjaman	X	X
Peningkatan dalam peruntukan berkaitan dengan kos pekerja	X	X
(Untung)/Rugi jualan hartanah, loji dan peralatan	(X)	(X)
(Untung)/Rugi jualan pelaburan	(X)	(X)
Peningkatan dalam aset semasa lain	(X)	(X)
Peningkatan dalam pelaburan disebabkan oleh penilaian semula	(X)	(X)
Peningkatan dalam penghutang	(X)	(X)
Aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi	<u>X</u>	<u>X</u>

Penyata Aliran Tunai menggunakan Kaedah Tidak Langsung (perenggan 27 (b))

**Entiti Sektor Awam - Penyata Aliran Tunai Disatukan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 20X2
(Dalam Ribu RM)**

	20X2	20X1
	RM'000	RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI		
Lebihan/(kurangan)	X	X
Pergerakan bukan tunai	X	X
Susut nilai	X	X
Pelunasan	X	X
Peningkatan dalam peruntukan bagi hutang ragu	X	X
Peningkatan dalam pemiutang	X	X
Peningkatan dalam pinjaman	X	X
Peningkatan dalam peruntukan berkaitan dengan kos pekerja	X	X
(Untung)/Rugi jualan hartanah, loji dan peralatan	(X)	(X)
(Untung)/Rugi jualan pelaburan	(X)	(X)
Peningkatan dalam aset semasa lain	(X)	(X)
Peningkatan dalam pelaburan disebabkan oleh penilaian semula	(X)	(X)
Peningkatan dalam penghutang	(X)	(X)
Aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi	X	X

Nota kepada Penyata Aliran Tunai

(a) *Tunai dan Kesetaraan Tunai*

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan, baki di bank dan pelaburan dalam instrumen pasaran wang. Tunai dan kesetaraan tunai dimasukkan dalam penyata aliran tunai yang mengandungi penyata jumlah kedudukan kewangan berikut:

	20X2	20X1
	RM'000	RM'000
Tunai di tangan dan baki di bank	X	X
Pelaburan jangka pendek	X	X
	X	X

Entiti mempunyai kemudahan pinjaman belum diterima sebanyak X, di mana X hendaklah digunakan untuk projek infrastruktur.

(b) *Hartanah, Loji dan Peralatan*

Dalam tempoh tersebut, entiti ekonomi memperoleh hartanah, loji dan peralatan dengan kos agregat sebanyak X, apabila X diperoleh melalui geran modal daripada kerajaan pusat. Bayaran tunai sebanyak X telah dibuat untuk membeli hartanah, loji dan peralatan.

Perbandingan dengan IPSAS 2

MPSAS 2, *Penyata Aliran Tunai* berasaskan IPSAS 2 (2011). Perbezaan utama antara MPSAS 2 dengan IPSAS 2 adalah seperti yang berikut:

- Dalam perenggan 4, MPSAS 2 menjelaskan bahawa GBE menggunakan piawaian perakaunan diluluskan yang dikeluarkan oleh MASB manakala IPSAS 2 menjelaskan bahawa GBE menggunakan IFRS yang dikeluarkan oleh IASB.
- Dalam perenggan 13, MPSAS 2 menambah *entiti perakaunan* sebagai syarat tambahan bagi Entiti Ekonomi.
- Dalam perenggan 17, MPSAS 2 mentakrifkan semula Aset Bersih/Ekuiti. Aset bersih/Ekuiti juga dikenali sebagai Kumpulan Wang Disatukan supaya selaras dengan keperluan undang-undang tempatan, iaitu Akta Prosedur Kewangan 1957 (Akta 61).
- Dalam perenggan 22, MPSAS 2 menambah sub-perenggan (m) *Terimaan tunai atau bayaran untuk akaun amanah* sebagai aliran tunai tambahan daripada aktiviti operasi. Di Malaysia, semua wang amanah di bawah kawalan Jabatan Akauntan Negara dan di samping itu, terimaan dan bayaran wang amanah dikelaskan sebagai aliran tunai daripada aktiviti operasi.